

HARI : SABTU
TARIKH : 21/12/2019
M/SURAT : 8

RON97 turun 6 sen, RON 95, diesel kekal

Putrajaya: Harga runcit petrol RON97 turun enam sen kepada RM2.58 seliter, manakala RON95 dan diesel masing-masing kekal RM2.08 dan RM2.18 seliter, mulai tengah malam tadi.

Kementerian Kewangan dalam kenyataannya berkata, harga runcit bahan bakar itu bagi tempoh 21 Disember hingga 27 Disember ini.

"Berdasarkan pengiraan di bawah formula Me-

kanisme Penetapan Harga Automatik (APM), harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh sama masing-masing sepatutnya sebanyak RM2.28 seliter dan RM2.34 seliter.

"Ini menunjukkan penurunan dari minggu lepas bagi harga runcit petrol RON95 berada pada paras RM2.34 seliter, manakala kenaikan bagi harga runcit diesel RM2.32 seliter," katanya.